

PENGANGGARAN DALAM ANALISIS KEUPAYAAN TENAGA KUASA HIDRO MENGGUNAKAN
KAEDAH MONTE CARLO




UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PENGANGGARAN DALAM ANALISIS KEUPAYAAN TENAGA KUASA HIDRO
MENGUNAKAN KAEDAH MONTE CARLO

MUHAMAD AZIM BIN ZAIDI

Laporan ini disiapkan dan disampaikan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Rekabentuk & Inovasi)



Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Mei 2017

DEKLARASI PEMANTAU

Saya telah menyemak laporan ini dan seterusnya laporan ini perlu dihantar kepada JK-PSM
untuk diberikan semula kepada pemantau dan pemeriksa kedua.

	Tandatangan	:	
	Nama Pemantau	:	
	Tarikh	:	

اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

“Saya mengaku bahawa laporan ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali ringkasan dan petikan yang telah saya nyatakan sumber untuk setiap daripada mereka.”



Teristimewa untuk mak, Badrunnisha binti Ayoob dan abah, Zaidi bin Abu Bakar tercinta



PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim....

Alhamdulillah, bersyukur ke atas Illahi dengan limpah dan kurniaNya, serta nikmat masa dan nyawa yang dianugerahkan kepada penulis, dapat juga penulis menyiapkan tugas ini dengan jayanya.

Penulis berhasrat untuk merakamkan ribuan penghargaan yang ikhlas kepada penyelia, Dr. Mohd Asri bin Yusuff di atas sokongan yang sangat mengagumkan dan banyak memberi galakan serta dorongan dan nasihat serta cadangan dalam menyiapkan Projek Sarjana Muda (PSM).

Tidak lupa juga kepada mak abah yang banyak memberi kata-kata sokongan dan moral kepada penulis untuk terus berinspirasi menghabiskan projek ini.

Ucapan penghargaan ini juga ditujukan kepada rakan-rakan yang banyak membantu dalam memudahkan urusan untuk menghabiskan projek sarjana muda ini. Terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan projek ini.

Akhir sekali, penulis berharap projek ini akan menjadi garis panduan dan rujukan kepada pelajar yang akan datang.

ABSTRAK

Banyak kajian telah dijalankan ke atas sistem tenaga kuasa hidro kecil berdasarkan skim 'run-of-river' sebagai alternatif tenaga yang boleh diperbaharui. Sistem tenaga kuasa hidro kecil boleh dikelaskan berdasarkan tenaga elektrik yang dapat dijana di antara 1 MW sehingga 10 MW. Sistem ini biasanya diguna pakai di kawasan luar bandar untuk menyediakan permintaan tenaga elektrik oleh pengguna. Pada dasarnya, kebanyakan kajian setakat ini lebih memfokuskan kepada sistem tenaga kuasa hidro besar berbanding teknologi sistem tenaga kuasa hidro berskala kecil. Oleh itu, kajian ini adalah bertujuan untuk memberi tumpuan dalam meramalkan tenaga kuasa hidro yang dapat dijana oleh Sistem Tenaga Kuasa Hidro Kecil dengan menggunakan kaedah Simulasi Sistem Monte Carlo khususnya untuk aliran air sungai di kawasan Sungai Perting, Bentong, Pahang. Kadar alir air diukur dengan menggunakan Laser Flow™ sensor halaju dalam saluran terbuka dengan teknologi bukan-sentuh Laser Halaju Doppler dan bukan sentuh Ultrasonik dari jauh yang terletak di bahagian pengambilan air di Rumah Pam. Kadar aliran air sangat penting dalam meramalkan keluaran tenaga kuasa hidro. Hasil menunjukkan, keluaran kuasa tenaga hidro bergantung kepada turun naik kadar alir air dan tenaga elektrik yang dapat dihasilkan adalah lebih daripada 1 MW. Penemuan ini boleh digunakan sebagai penanda aras untuk mengkaji dengan lebih mendalam tentang keboleharapan sistem tenaga kuasa hidro kecil.

KANDUNGAN

BAB	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	DEKLARASI PEMANTAU	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ISI KANDUNGAN	vi
	SENARAI RAJAH	x
	SENARAI JADUAL	xiv
	SENARAI GRAF	xv
	SENARAI SINGKATAN	xvi
	SENARAI SIMBOL	xvii
	SENARAI LAMPIRAN	xviii

BAB	KANDUNGAN	MUKA SURAT
BAB 1	PENGENALAN	1
	1.1 Latar Belakang	1
	1.1.1 Sistem Taburan Monte Carlo	1
	1.1.2 Keboleharapan	3
	1.1.3 Ketersediaan	3
	1.1.4 Ketersediaan dan Keboleharapan	4
	1.1.5 Sistem Tenaga Hidro Kecil	5
	1.2 Penyataan Masalah	6
	1.3 Objektif	7
	1.4 Skop Projek	7
BAB 2	KAJIAN LITERASI	8
	2.1 Sistem Tenaga Kuasa Hidro	9
	2.1.2 Ciri-ciri Tenaga Kuasa Hidro Kecil	14
	2.2 Analisis Kebolehpercayaan	16
	2.2.1 Taburan Sepanjang Hayat	17
	2.2.2 Taburan Weibull	17
	2.2.3 Taburan Lognormal	18
	2.2.4 Taburan Normal	18
	2.2.5 Sistem Taburan Monte Carlo	19

BAB	KANDUNGAN	MUKA SURAT
BAB 3	METODOLOGI	20
	3.1 Pengenalan	20
	3.2 Kaedah Pengumpulan Data	22
	3.2.1 Persediaan Umum Eksperimen	22
	3.2.2 Rumah Pam dan Rumah Kuasa	25
	3.3 Perisian Simulasi Sistem Taburan Monte Carlo	28
	3.3.1 Perisian ReliaSoft Weibull ++7	28
	3.3.2 Fungsi Ketumpatan Kebarangkalian	30
	3.3.3 Kajian Simulasi Taburan Monte Carlo terhadap Taburan Weibull	30
BAB 4	DATA DAN KEPUTUSAN	32
	4.1 Data Kadar Alir Air	32
	4.1.1 Graf Pola Kadar Alir	33
	4.1.2 Jumlah Kadar Alir Air Selama Sebulan & Purata Kadar Alir Serta Tenaga Kuasa Hidro pada Bulan Mei 2016	34

BAB	KANDUNGAN	MUKA SURAT
BAB 4		
	4.2 Penjanaan Simulasi Sistem Monte Carlo terhadap	
	Kadar Alir Air	35
	4.2.1 Graf Ramalan Kadar Alir Air dan	
	Tenaga Kuasa Hidro	36
	4.3 Iklim di Sungai Perring, Bentong, Pahang	38
	4.4 Penjanaan Simulasi Monte Carlo melalui	
	Kaedah Taburan Weibull dan Taburan Normal	41
BAB 5	KESIMPULAN DAN CADANGAN	49
	5.1 Pengenalan	49
	5.2 Kesimpulan	50
	5.3 Cadangan	52
	RUJUKAN	53
	LAMPIRAN	56

SENARAI RAJAH

NO.	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Sistem Sungai Aliran-Terus	10
2.2	Sistem Tenaga Kuasa Hidro Simpanan	11
2.3	Sistem Tenaga Kuasa Simpanan-di-Pam	12
2.4	Sistem Tenaga Kuasa Luar Pesisir	13
3.1	Carta Alir Metodologi	21
3.2	Meter Aliran Signature	22
3.3	Laser Flow Sensor Halaju Bukan-Sentuh	23
3.4	Sambungan Meter Aliran Signature Dan Pilihan Penyambungan Antara Peranti	24
3.5	Lokasi Pemasangan Laser Flow Sensor Halaju Bukan-Sentuh Dan Meter Aliran Signature di Atas Bukit di Sungai Perting	25
3.6	Laser Flow Sensor Halaju Bukan-Sentuh Telah Siap Dipasang	26

3.7	2 Nos Berkuasa 2.1 MW Turgo Turbin Yang Dipasang di Rumah Kuasa	27
3.8	Antara Muka Perisian ReliaSoft Weibull++7 Versi 7	29
4.1	Carta Kadar Alir Air Selama Sebulan Pada Bulan Mei	33
4.2	Ramalan Kadar Alir Sebanyak 365 Kali	36
4.3	Jumlah Ramalan Tenaga Hidro Elektrik Sebanyak 365 Kali	37
4.4	Graf Iklim (Suhu Melawan Taburan Hujan Dan Bulan) di Kawasan Bentong	38
4.5	Jadual Iklim di Bentong Selama 12 Bulan	39
4.6	Graf Taburan Weibull (a) dan Taburan Normal (b) yang menggunakan Data Kadar Alir Air yang dihasilkan Melalui Simulasi Monte Carlo dengan Kaedah Fungsi Ketumpatan Kebarangkalian dalam Perisian Weibull ++7	42
4.7	Graf Taburan Weibull (a) dan Taburan Normal (b) yang dihasilkan melalui data simulasi Monte Carlo untuk Tenaga Kuasa Hidro dengan Kaedah Fungsi Ketumpatan Kebarangkalian dengan menggunakan Perisian Weibull++7	46

6.1	Hasil Jumlah Keseluruhan Kadar Alir Air melalui simulasi yang dilakukan dalam Microsoft Excel	56
6.2	Formula Kuasa yang dimasukkan kedalam Microsoft Excel untuk mengira jumlah kuasa bagi setiap kadar alir	57
6.3	Perisian ReliaSoft Weibull++7 yang digunakan untuk simulasi Monte Carlo menghasilkan data rawak kadar alir dan tenaga kuasa hidro sebanyak 365 kali seterusnya taburan Weibull dan taburan Normal digunakan untuk menghasilkan graf fungsi ketumpatan keberangkalian untuk mencari ketersediaan tenaga kuasa hidro.	70
6.4	Data kadar aliran air yang dihasilkan daripada simulasi Monte Carlo sebanyak 365 dimasukkan ke dalam ruangan data sebelum menghasilkan graf taburan Weibull melalui kaedah fungsi ketumpatan keberangkalian	71
6.5	Graf Taburan Weibull yang mewakili tenaga kuasa hidro dalam kaedah fungsi ketumpatan keberangkalian yang dihasilkan melalui simulasi perisian Reliasoft Weibull++7 selepas data rawak yang dihasilkan daripada simulasi Monte Carlo.	72

6.6	Data kadar aliran air sebanyak 365 dimasukkan ke dalam ruangan data untuk menghasilkan graf Taburan Normal melalui kaedah fungsi ketumpatan keberangalian	73
6.7	Graf Taburan Normal yang mewakili kadar aliran air dihasilkan melalui simulasi perisian ReliaSoft Weibull ++7	74



SENARAI JADUAL

NO.	TAJUK	MUKA SURAT
4.1	Kadar Alir air di Rumah Pam selama sebulan	32
4.2	Parameter Taburan Weibull dan Normal untuk Kadar Alir Air	44
4.3	Parameter Taburan Weibull dan Normal untuk	47
	Tenaga Kuasa Hidro	
6.1	Hasil ramalan Tenaga Kuasa yang dikira melalui Microsoft Excel	69




SENARAI GRAF

NO.	TAJUK	MUKA SURAT
4.4	Graf Iklim (Suhu melawan Taburan Hujan dan Bulan) di kawasan Bentong	39
4.6	Graf Taburan Weibull (a) dan Taburan Normal (b) yang menggunakan data kadar alir air yang dihasilkan melalui simulasi Monte Carlo dengan kaedah fungsi ketumpatan keberangkalian dalam perisian Weibull++7.	42
4.7	Graf Taburan Weibull (a) dan Taburan Normal (b) yang dihasilkan melalui data simulasi Monte Carlo untuk Tenaga Kuasa Hidro dengan kaedah fungsi ketumpatan kebarangkalian dengan menggunakan perisian Weibull ++7.	46

SENARAI SINGKATAN

CDF (Cumulative Distribution Function)	Fungsi Taburan Terkumpul
LOLE	Kehilangan Beban Jangkaan
MW	Mega watt
kW	kilo watt
TNB	Tenaga Nasional Berhad
PDF	Fungsi Taburan Ketumpatan
UTeM	Universiti Teknikal Malaysia Melaka
USB	Universal Serial Bus
UniKL	Universiti Kuala Lumpur
mm	milimeter



SENARAI SIMBOL

t	=	tempoh masa yang ditetapkan yang melibatkan keadaan operasi
T	=	pembolehubah rawak bukan negatif yang menandakan masa kegagalan
$f(t)$	=	fungsi ketumpatan keberangkalian (PDF) bagi kegagalan masa T
$R(t)$	=	pelengkap fungsi taburan terkumpul (Cumulative Distribution Function)
α	=	parameter skala
β	=	parameter bentuk yang menentukan bentuk taburan
τ	=	parameter lokasi
μ	=	min taburan log normal dan normal
σ	=	sisihan piawai bagi taburan lognormal dan normal

SENARAI LAMPIRAN

NO.	TAJUK	MUKA SURAT
Lampiran A	Contoh pengiraan jumlah keseluruhan kadar alir selama sebulan melalui Microsoft Excel	57
Lampiran B	Contoh pengiraan Tenaga Kuasa Hidro yang diramal melalui Microsoft Excel	58
Lampiran C	Jadual Kadar Alir dan Tenaga Kuasa Hidro	59
Lampiran D1	Perisian Weibull++7	70
Lampiran D2	Data Kadar Aliran air hasil daripada Simulasi Monte Carlo	71
Lampiran D3	Graf Taburan Weibull	72
Lampiran D4	Data Kadar Aliran Air dimasukkan kedalam antara muka perisian	73
Lampiran D5	Graf Taburan Normal	74

BAB 1

PENGENALAN

1.1 LATAR BELAKANG

1.1.1 Sistem Taburan Monte Carlo

Secara umumnya Kaedah Monte Carlo atau Sistem Monte Carlo boleh digunakan untuk menerangkan mana-mana teknik yang hampir sama atau lebih kurang untuk cara penyelesaian masalah kuantitatif melalui persampelan statistik. Simulasi Monte Carlo adalah lebih khusus digunakan untuk menggambarkan kaedah untuk menyebarkan (menterjemah) ketidakpastian dalam masukan model kedalam ketidaktentuan keluaran model (keputusan). Oleh itu, ia adalah sejenis sistem yang jelas dan kuantitatif mewakili ketidakpastian. Sistem Monte Carlo bergantung kepada proses yang memang mewakili ketidakpastian dengan menentukan keberangkalian taburan masukan. Sekiranya masukan tersebut menggambarkan sistem yang tidak pasti, ramalan prestasi masa depan semestinya tidak menentu. Keputusan daripada mana-mana analisis yang berdasarkan masukan adalah diwakili oleh taburan keberangkalian dan ia dengan sendirinya suatu taburan keberangkalian.

Manakala hasil daripada simulasi tunggal daripada sistem yang tidak menentu adalah satu kenyataan yang berkecualan, sebagai contoh, 'Jika kita membina empangan, populasi ikan Salmon boleh pupus'. Hasil daripada keberangkalian (Sistem Taburan Monte Carlo) simulasi adalah keberangkalian kuantitinya iaitu, 'Jika kita membina empangan, terdapat

kemungkinan dalam 20% populasi ikan Salmon akan pupus'. Apa-apa hasil (dalam kes ini, mengukur kepupusan) biasanya lebih berguna kepada pembuat keputusan yang menggunakan keputusan simulasi.

Dalam usaha untuk mengira taburan keberangkalian tentang ramalan prestasi, ianya perlu untuk menyebarkan (menterjemahkan) ketidakpastian masukan kedalam keputusan akhir. Pelbagai kaedah wujud untuk menyebarkan ketidakpastian. Sistem Taburan Monte Carlo mungkin adalah teknik yang selalu digunakan untuk menyebarkan ketidakpastian dalam pelbagai aspek sistem untuk prestasi yang diramalkan.

Dalam sistem taburan Monte Carlo, keseluruhan sistem mensimulasi dalam bilangan yang besar (contohnya, 1000 kali). Setiap simulasi adalah hampir sama, yang disebut sebagai kesedaran sistem. Bagi setiap kenyataan, semua parameter tidak menentu sebagai sampel (iaitu, nilai rawak tunggal dipilih dari pengedaran yang dinyatakan menggambarkan setiap parameter). Sistem ini kemudiannya disimulasi melalui masa (yang diberikan set tertentu parameter input) sebagai contoh bahawa prestasi sesuatu sistem boleh dikira. Ini menyebabkan sebilangan besar daripada keputusan adalah yang berasingan dan bebas, setiap satu mewakili kemungkinan 'masa depan' untuk sistem (iaitu, satu kemungkinan daripada cara tersebut, sistem tersebut dapat mengikut peredaran masa). Hasilnya, keluaran bukan suatu nilai tunggal, tetapi taburan keberangkalian. (Rujukan 1)

1.1.2 Keboleharapan

Indeks keboleharapan Kehilangan Beban Jangkaan (LOLE) dikira dengan menggunakan kaedah Monte Carlo (Billinton and Allan, 1987, 1996). Algoritma Monte Carlo adalah salah satu alat kejuruteraan yang paling kuat yang membolehkan kita untuk membuat analisis statistik ketidaktentuan yang melibatkan masalah kejuruteraan. Cara ini sangat sesuai dalam menyelesaikan masalah yang rumit di mana banyak pembolehubah rawak terlibat dalam persamaan tidak lurus. Analisis Monte Carlo adalah kaedah simulasi yang menggantikan cara praktikal kepada simulasi berkomputer. Asas kepada analisis Monte Carlo adalah untuk menghasilkan satu siri nombor rawak. Penghasilan homogen nombor rawak mengekalkan ciri-ciri yang sama daripada keberangskalian kejadian mereka dalam himpunan yang dipilih antara 0 dan 1. Ia harus diperhatikan bahawa apabila bilangan pengulangan semula nombor semakin meningkat, jawapan akan lebih dekat menghampiri nilai sebenar. (Billinton and Allan, 1996; IEEE, 1985)

1.1.3 Ketersediaan

Ketersediaan bergantung kepada kedua-dua keboleharapan dan penyelenggaraan. Beberapa definisi tertentu ketersediaan memang wujud dan oleh itu amat penting untuk mengenal pasti tentang definisi yang digunakan. Laporan ini menggunakan ketersediaan operasi. Ketersediaan operasi ialah peratusan data kadar alir air itu beroperasi.

1.1.4 Ketersediaan dan Keboleharapan

Keboleharapan adalah keberangkalian peranti atau pelaksanaan tujuan sistem yang secukupnya untuk tempoh masa yang dicadangkan di bawah keadaan operasi yang dihadapi (Billinton & Allan, 1992). Maksud keboleharapan berkaitan dengan keupayaan sistem untuk terus berfungsi tanpa kegagalan, iaitu untuk melengkapkan sesuatu projek dengan memuaskan. Tafsiran keboleharapan ini menjadikan ia sama sekali tidak sesuai sebagai langkah untuk sistem terus beroperasi yang boleh bertolak ansur dengan kegagalan. Ketersediaan adalah ukuran yang digunakan dalam sistem yang boleh diperbaiki seperti ciri-ciri komponen yang digunakan dalam stesen kuasa hidro contohnya penjana, transformer, turbin dan lain-lain. Dengan adanya peranti yang boleh dibaiki, ianya ditakrifkan sebagai bahagian masa, dalam jangka masa panjang, yang di dalam atau bersedia untuk perkhidmatan (Endrenyi, Reliability Modeling in Electric Power Systems, 1980).

Ketersediaan juga ditafsirkan sebagai keberangkalian untuk mencari komponen atau peranti sistem dalam keadaan operasi pada satu masa ke dalam kegagalan. Terdapat dua kategori utama teknik penilaian keboleharapan: analisis dan simulasi. Teknik analisis mewakili sistem dengan model matematik dan menilai indeks keboleharapan melalui penyelesaian matematik. Simulasi lain yang selalu digunakan adalah kaedah Simulasi Monte Carlo yang menganggarkan indeks keboleharapan dengan simulasi proses sebenar dan tingkah laku sistem rawak. (Rujukan 14)

1.1.5 Sistem Tenaga Hidro Kecil

Sistem Tenaga Hidro Kecil adalah pembangunan kuasa hidro pada skala yang kecil yang dapat menjana satu komuniti kecil atau loji perindustrian. Takrif projek sistem tenaga hidro kecil berbeza tetapi mampu untuk menjana tenaga elektrik sehingga 10 megawatt (MW) pada umumnya diterima sebagai had atas dimana boleh diistilahkan sebagai sistem tenaga kuasa hidro kecil. Sistem hidro kecil ini boleh lagi dibahagikan kepada Sistem Tenaga Hidro Mini, biasanya ditakrifkan sebagai kurang daripada 1000 kW, dan Sistem Tenaga Hidro Mikro kurang daripada 100 kW. Sistem Tenaga Hidro Mikro biasanya digunakan untuk komuniti kecil, keluarga tunggal atau perusahaan kecil.

Loji Sistem Tenaga Hidro Kecil selalunya disambungkan kepada pengagihan rangkaian elektrik konvensional sebagai sumber tenaga yang boleh diperbaharui dengan kos yang rendah. Sebagai alternatif, projek-projek Sistem Tenaga Hidro Kecil kebanyakannya dibina di kawasan terpencil dimana tenaga elektrik tidak dapat disalurkan. Sejak projek tenaga hidro kecil yang selalunya mempunyai takat takungan minimum dan pembinaan yang bersaiz kecil, sistem ini dilihat mempunyai kesan yang rendah terhadap alam sekitar berbanding sistem tenaga hidro yang sedia ada (Sistem Tenaga Hidro Besar). (Rujukan 4)

1.2 PENYATAAN MASALAH

Sistem Tenaga Hidro Kecil adalah antara sumber tenaga yang popular di seluruh dunia. Sejak ia boleh diperbaharui dan tidak merosakkan alam sekitar, banyak rumah, syarikat-syarikat malah dalam bidang pendidikan dan penyelidikan sendiri telah mula melakukan pemasangan sistem tenaga hidro ini ke dalam sungai, air terjun dan empangan di mana terdapatnya pengaliran air untuk pelbagai tujuan yang membawa kepada satu matlamat iaitu, menjana tenaga elektrik.

Dalam kajian ini, terdapat beberapa masalah dalam mengenal pasti jumlah sebenar tenaga elektrik yang dapat disalurkan melalui sistem tenaga kuasa hidro kecil yang telah dibina di kawasan air terjun di Bentong, Pahang. Di samping mencari permasalahan yang mungkin terjadi pada sistem yang dipasang pada air terjun tersebut.

Selain itu, kajian ini bertujuan untuk mencari kaedah yang sesuai untuk menganalisis kebolehpercayaan yang boleh digunakan untuk mengira tenaga elektrik yang dapat dihasilkan daripada Sistem Tenaga Kuasa Hidro Kecil.

1.3 OBJEKTIF

Objektif kajian ini adalah seperti berikut :

1. Membandingkan satu model bagi meramal ketersediaan Sistem Tenaga Kuasa Hidro Kecil dalam menghasilkan kuasa elektrik.
2. Menggunakan kaedah Sistem Taburan Monte Carlo bagi menganalisa ketersediaan.

1.4 SKOP PROJEK

Skop untuk projek ini adalah :

1. Mengkaji bagaimana sistem tenaga kuasa hidro kecil berfungsi dan bagaimana tenaga elektrik dapat dihasilkan melaluinya.
2. Mengira kadar tenaga elektrik yang dapat dihasilkan oleh sistem tenaga kuasa hidro kecil melalui kaedah Sistem Taburan Monte Carlo
3. Menentukan nilai purata bagi tenaga elektrik yang dapat dihasilkan

BAB 2


KAJIAN LITERASI

Dalam Bab 1 kajian literasi ini adalah berdasarkan Sistem Monte Carlo yang dijadikan sebagai sistem penyelesaian masalah kuantitatif melalui persampelan statistik serta memberi pengenalan tentang sistem tenaga kuasa hidro.

Kapasiti penjanaan elektrik yang dipasang di Malaysia adalah 26,063 MW pada tahun 2013, yang terdiri daripada 21,628 MW di Semenanjung Malaysia dan 1,303 MW di Sabah dan 3,132 MW di Sarawak. Gas dan arang batu kekal sebagai bahan api yang selalu digunakan untuk penjanaan kuasa dengan kadar 47.99% dan 25.73%, masing-masing diikuti oleh tenaga hidroelektrik dengan kadar 14.73% dan biojisim pada 2.97%. Sementara itu, kuasa tenaga hidro kecil menyumbang 0.17%. Dari segi pertumbuhan elektrik, permintaan maksimum mencecah sehingga 16,562 MW seperti yang dicatatkan pada 13 Mei 2013, melepasi sasaran awal sebanyak 16,324 MW, iaitu sebanyak 1.5%.

2.1 Sistem Tenaga Kuasa Hidro

Sistem Tenaga Kuasa Hidro menggunakan tenaga di dalam air yang mengalir untuk menghasilkan elektrik atau tenaga mekanikal. Walaupun terdapat beberapa cara untuk memanfaatkan air yang bergerak untuk menghasilkan tenaga, sistem pengaliran terus yang tidak memerlukan ruang atau tempat simpanan yang besar sesuai digunakan untuk tenaga hidro yang kecil. Bagi sistem tenaga hidro kecil yang menggunakan konsep pengaliran terus, sebahagian daripada air sungai dialihkan kepada pengangkutan air, saluran paip, atau saluran paip bertekanan (penstock) - yang menyalurkan air kepada turbin atau kincir air. Air yang mengalir dapat memusingkan roda atau turbin, sekaligus memutarakan gandar. Gandar boleh digunakan untuk proses mekanikal, seperti mengepam air, atau ia boleh digunakan untuk menghidupkan alternator atau sebagai penjana untuk menjana tenaga elektrik.



Terdapat empat jenis tenaga kuasa hidro. Antaranya :


- I. **Sistem Sungai Aliran-terus (Run-of-River)** : Sebuah sistem yang mengalirkan saluran air sungai melalui terusan atau penstock yang memutarakan turbin. Biasanya projek Sungai Aliran-terus ini akan mempunyai sedikit tempat simpanan air. Tetapi kebanyakan projek Sungai Aliran-terus ini tidak mempunyai tempat simpanan air. Sungai Aliran-terus menyediakan bekalan elektrik yang berterusan dengan beberapa operasi yang fleksibiliti untuk turun naik setiap hari dalam permintaan tenaga elektrik melalui aliran air yang dikawal selia oleh sistem itu. (Rujukan 2)



Rajah 2.1: Sistem Sungai Aliran-terus

(Sumber: <http://www.sswm.info/content/hydropower-small-scale>)


II. **Sistem Tenaga Kuasa Simpanan :** Biasanya sistem yang besar yang menggunakan empangan untuk menyimpan air dalam kolam takungan. Elektrik dihasilkan melalui pelepasan air dari kolam takungan melalui turbin akan mengaktifkan penjana. Tenaga kuasa simpanan menyediakan beban asas serta keupayaan untuk “shut-down” dan “start-up” dalam masa yang singkat mengikut permintaan sistem (puncak beban). Ia boleh menawarkan kapasiti simpanan yang cukup untuk beroperasi secara bebas melalui aliran masuk hidrologi selama beberapa minggu atau bulan bergantung kepada takat penyimpanan air. (Rujukan 2)



Rajah 2.2 : Sistem Tenaga Kuasa Hidro Simpanan


(Sumber: <http://circabook.com/pumped-hydroelectric-energy-storage-energy-exemplar/>)

- III. **Sistem Tenaga Kuasa Simpanan-di pam** : Menyediakan bekalan puncak-beban, memanfaatkan air yang dikitar antara takungan yang lebih rendah dan takungan yang lebih tinggi melalui pam yang menggunakan tenaga lebih daripada sistem semasa permintaan tenaga elektrik yang rendah. Apabila permintaan tenaga elektrik tinggi, air dilepaskan kembali kepada tangki bawah melalui turbin untuk menghasilkan tenaga elektrik. (Rujukan 2)



Rajah 2.3 : Sistem Tenaga Kuasa Simpanan-di pam
(Sumber: <http://www.eclipsol.com/about-4-1/>)

- IV. **Sistem Tenaga Kuasa Luar Pesisir :** Kumpulan tenaga kuasa yang kurang dibina tetapi menggunakan teknologi melalui arus pasang surut air laut atau kuasa gelombang (ombak) untuk menjana tenaga elektrik. (Rujukan 2)



Rajah 2.4 : Sistem Tenaga Kuasa Luar Pesisir
(Sumber: <http://thefutureofthings.com/4040-from-waves-to-electricity/>)

2.1.2 Ciri-ciri Tenaga Kuasa Hidro Kecil

Sekarang ini masih lagi tiada definisi yang boleh diterima di peringkat global tentang tenaga kuasa hidro kecil. Kriteria yang digunakan buat masa sekarang adalah mengikut kapasiti, dan mempunyai nilai yang berbeza mengikut negara masing-masing. Di Malaysia, tenaga kuasa hidro kecil merujuk kepada skema Sungai Aliran-terus (Run-of-River) yang boleh mencapai kapasiti sehingga 30 MW.

Tenaga kuasa hidro kecil biasanya dibahagikan kepada tiga saiz iaitu ; Skala Penuh, Mini dan Mikro. Tenaga kuasa hidro kecil berskema penuh mempunyai keupayaan melebihi 10 MW, iaitu suatu jumlah tenaga elektrik yang cukup untuk kawasan yang besar dan bekalan grid yang besar (sehingga 30 MW). Skema tenaga kuasa hidro kecil mini membuat sumbangan yang lebih kecil untuk bekalan grid kebangsaan, biasanya dalam lingkungan 500 kW kepada 10 MW. Skema tenaga kuasa hidro kecil mikro pula biasanya bermula daripada 5 kW kepada 500 kW dan ianya tidak membekalkan untuk grid kebangsaan dan hanya menghasilkan kuasa yang cukup untuk menyediakan lampu domestik kepada sekumpulan rumah melalui pengecesan bateri.

Kuasa tenaga hidro kecil dapat menawarkan lebih banyak peluang untuk menyokong pengembangan bekalan elektrik luar bandar dan juga menyumbang kepada sumber tenaga serta menyokong kapasiti bekalan grid. Potensi untuk tenaga kuasa hidro kecil di Malaysia adalah besar, tetapi tenaga yang sedia ada dari sungai-sungai telah menyumbang dengan ketara kepada bekalan elektrik di kawasan luar bandar. Salah satu contoh projek tenaga hidro kecil yang berjaya di Malaysia ialah Loji Tenaga Kuasa Hidro Mini Perting di Bentong, Pahang.

(Rajah 3.1). Ia merupakan skema aliran sungai yang mula beroperasi pada tahun 2009 dengan kapasiti sebanyak 4.2 MW dan kapasiti eksport bersih 4 MW ke stesen kuasa Tenaga Nasional Berhad (TNB). Loji ini dimiliki oleh Amcorp Perring Hydro Sdn. Bhd.

Dan telah dinaik taraf kepada 6 MW pada tahun 2015. Ia telah mendapat pengiktirafan global dengan menerima Anugerah Tenaga ASEAN pada tahun 2012 dan Persatuan Anugerah Perak Consulting Engineers Malaysia Merit pada tahun 2013 dalam bidang Tenaga Boleh Diperbaharui.

Kebanyakan skim sistem tenaga kuasa hidro kecil Sungai Aliran-terus, tidak memerlukan takungan simpanan yang besar. Penjanaan tenaga daripada sistem tenaga kuasa hidro kecil Sungai Aliran-terus bebas daripada karbon dioksida (CO_2) dan sistem ini adalah salah satu sistem teknologi yang mesra alam yang tertua. Potensi projek sistem tenaga hidro kecil di Malaysia adalah besar kerana menyediakan jumlah kapasiti penjanaan kira-kira 500 MW untuk jangka masa panjang terutama melalui sistem jenis Sungai Aliran-terus (Rujukan 5)

2.2 Analisis Kebolehpercayaan

Kebolehpercayaan biasanya dimaksudkan dengan keupayaan sesuatu item atau benda untuk menjayakan fungsinya dalam sesuatu masa (Billinton dan Allan 1992, Rausand dan Hoyland 2004, Pham 2006). Lebih khusus untuk sistem tenaga kuasa hidro, kebolehpercayaan adalah keberangkalian bahawa sistem berjaya akan beroperasi dalam tempoh masa tertentu di bawah keadaan operasi yang diberikan tanpa kegagalan. Secara matematikanya, kebolehpercayaan boleh dinyatakan sebagai ;

$$R(t) = (T > t) \quad (2.1)$$

Dimana T adalah pembolehubah rawak bukan negatif yang menandakan masa kegagalan, dan t adalah tempoh masa yang ditetapkan yang melibatkan keadaan operasi. Dengan mengandaikan bahawa $f(t)$ adalah fungsi ketumpatan keberangkalian (PDF) bagi kegagalan masa T. Fungsi kebolehpercayaan boleh dikira melalui ;

$$R(t) = \int_t^{\infty} f(u)du \quad (2.2)$$

Fungsi kebolehpercayaan $R(t)$ juga boleh dimaksudkan sebagai pelengkap fungsi taburan terkumpul (Cumulative Distribution Function), $F(t)$ bersamaan dengan $f(t)$:

$$R(t) = 1 - F(t) = 1 - \int_0^t f(u)du \quad (2.3)$$

2.2.1 Taburan Sepanjang Hayat

Seksyen ini membentangkan dua taburan keberangkalian yang berterusan yang boleh digunakan untuk model ketidaktentuan kuasa hidro. Taburan Weibull dipilih untuk pemodelan perkalian kegagalan komponen dan pengedaran lognormal digunakan untuk model penyelenggaraan dan pembaikan masa.

2.2.2 Taburan Weibull

Taburan Weibull adalah salah satu taburan yang paling terkenal dalam analisis kebolehpercayaan. Ia digunakan secara meluas kerana fleksibilitinya untuk model tingkah laku kegagalan dengan kadar perubahan secara berbahaya. Taburan Weibull dapat menggambarkan dengan sepenuhnya kali kegagalan melalui perbezaan pelbagai jenis peralatan dan fenomena. Fungsi Taburan Terkumpul (CDF) Weibull dapat dirumuskan melalui formula berikut :

$$F(t) = P(T \leq t) = 1 - e^{-\left(\frac{t-\tau}{a}\right)^\beta}, \alpha > 0, \beta > 0, t \geq \tau, \geq 0 \quad (2.4)$$

Di mana α adalah parameter skala, β adalah parameter bentuk yang menentukan bentuk taburan dan τ adalah parameter lokasi. Untuk $\tau = 0$, Persamaan (2.4) menjadi dua-parameter taburan Weibull (Murthy, Xie dan Jiang 2004, Pham 2006). Fungsi kebolehpercayaan Dua-parameter Taburan Weibull adalah seperti berikut :

$$R(t) = e^{-\left(\frac{t}{a}\right)^\beta}, \alpha > 0, \beta > 0 \quad (2.5)$$

Dalam kes yang tertentu, apabila $\beta = 1$, taburan Weibull akan bersamaan dengan taburan eksponen. Taburan Eksponen mempunyai kadar kegagalan yang tetap yang dikenali sebagai “memoryless property” (Bedford dan Cooke 2001). Ini bermakna, komponen yang

digunakan yang tidak gagal mempunyai persamaan seperti komponen baru – ianya satu andaian yang agak ketat yang menghadkan penggunaan taburan eksponen.

2.2.3 Taburan Lognormal

Taburan Lognormal adalah berdasarkan kepada taburan normal dan ianya adalah pengagihan yang serba boleh daripada taburan normal kerana ianya mempunyai pelbagai bentuk. O'Connor dan Kleyner (2012) menganalisis data masa pembaikpulihan sistem kekal dan mendapati bahawa kadar pembaikpulihan cenderung untuk taburan lognormal. Fungsi Ketumpatan Kemungkinan (PDF) bagi taburan lognormal dirumuskan sebagai :

$$f_{LN}(t) = \frac{1}{\sigma t \sqrt{2\pi}} e^{-\frac{1}{2} \left(\frac{\ln(t) - \mu}{\sigma} \right)^2}, -\infty < \mu < \infty, \sigma > 0 \quad (2.6)$$

Dimana parameter μ dan σ adalah min dan sisihan piawai bagi taburan lognormal.

2.2.4 Taburan Normal

Taburan Normal merujuk kepada keluarga taburan keberangkalian yang berterusan yang digambarkan oleh persamaan normal.

$$y = f(x|\mu, \sigma) = \frac{1}{\sigma \sqrt{2\pi}} e^{-\frac{(x-\mu)^2}{2\sigma^2}}, \quad (2.7)$$

Dimana parameter x ialah pembolehubah rawak normal, μ adalah Min, σ adalah sisihan piawai, π adalah Pai yang bersamaan nilai 3.14159, dan e adalah eksponen yang bersamaan nilai 2.71828. Pemboleh ubah rawak x dalam persamaan normal dipanggil pembolehubah rawak normal. Persamaan normal adalah fungsi ketumpatan keberangkalian bagi taburan normal. (Rujukan 24)

2.2.5 Sistem Taburan Monte Carlo

Kaedah Simulasi Monte Carlo juga dikenali sebagai simulasi rawak atau teknologi persampelan rawak. Prinsip asas Monte Carlo boleh dinyatakan seperti berikut: untuk menyelesaikan masalah-masalah matematik, fizik, teknologi kejuruteraan dan pengurusan pengeluaran, yang pertama sekali adalah model keberangkatan atau proses rawak perlu diwujudkan terlebih dahulu dan menjadikan parameternya persamaan serentak dengan penyelesaian masalah. Kemudian, berdasarkan kepada model atau proses ini, melalui ujian persampelan untuk mengira ciri statistik parameter.

Akhir sekali, cuba nyatakan nilai yang hampir sama atau hampir tepat kepada masalah, dan penyelesaian ketepatan boleh dinyatakan dalam bentuk anggaran ralat piawai atau ciri-ciri lain statistik.

Dalam kebelakangan ini, dengan perkembangan teknologi komputer, kaedah Monte Carlo ini telah berkembang dan membangun dengan pesat serta telah digunakan secara meluas. Pada masa kini, Simulasi Monte Carlo telah digunakan untuk sains fizik, sains perubatan, bahan-bahan pertanian, pengangkutan, sains pengurusan, sains sosial dan pelbagai lagi skop tertentu. (Rujukan 12)

BAB 3


METODOLOGI

3.1 Pengenalan

Bab ini menerangkan metodologi yang digunakan dalam projek ini untuk mendapatkan data masukan daripada Sistem Tenaga Kuasa Hidro Kecil untuk Sistem Taburan Monte Carlo. Carta alir projek ditunjukkan semula dalam Rajah 3.1 . Projek ini dimulakan dengan mengkaji dan mencari artikel-artikel dan jurnal yang berkaitan dengan sistem taburan Monte Carlo dan sistem tenaga kuasa hidro kecil. Seterusnya mencari perisian yang sesuai untuk Sistem Taburan Weibull melalui simulasi Sistem Taburan Monte Carlo.

Melalui beberapa pertemuan dengan pensyarah yang mengendalikan projek tenaga kuasa hidro kecil ini, banyak pencerahan dapat difahami tentang bagaimana proses pengumpulan data dilakukan. Proses pengumpulan data dimulakan dengan beberapa proses yang telah dijalankan di Sungai Perting, Bentong, Pahang. Alat-alat yang digunakan telah dibeli sendiri oleh pihak UTeM untuk tujuan kajian.

Metodologi kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif serta matlamat seperti yang telah dinyatakan. Ianya merupakan kaedah-kaedah yang dipilih untuk melaksanakan kajian ini. Metodologi juga merupakan salah satu komponen penting dalam melaksanakan Projek Sarjana Muda.



Rajah 3.1 : Carta Alir Metodologi

3.2 Kaedah Pengumpulan Data

3.2.1 Persediaan Umum Eksperimen

Alat-alat untuk mengumpul semua data aliran air sungai telah dibeli daripada syarikat Bioclear yang terletak di Puchong, Selangor dan kesemua alatan tersebut adalah barangan import dari syarikat luar negara . Antara alatan yang dibeli adalah :

- Meter Aliran Signature®



Rajah 3.2 : Meter Aliran Signature

(Sumber: <http://www.teledyneisco.com/waterandwastewater/Pages/Signature.aspx>)

Meter Aliran Signature® direka khas untuk aplikasi pemantauan aliran aliran terbuka. Ia menyokong teknologi pengukuran aliran air termasuk aliran yang berbuih, kawasan laser halaju tidak-sentuh, dan ultrasonik. Meter ini boleh mengira aliran menggunakan piawai saluran terbuka paras aliran dan penukaran halaju kawasan, serta persamaan yang telah ditetapkan oleh pengguna, atau data tahap titik aliran dan kesemuanya bergantung kepada keperluan pengguna. (Rujukan 7)

Meter Aliran Signature® mempunyai ciri-ciri unik untuk mengesahkan integriti sesuatu data. Ia mencatatkan peristiwa penting seperti perubahan dalam penentukuran dan gangguan kuasa untuk mengesahkan ketepatan data. Mesin ini sangat membantu dalam proses pengumpulan data aliran air sungai dari Rumah Pam ke Loji Janakuasa di kawasan projek Tenaga Kuasa Hidro Kecil yang telah dijalankan di Sungai Perting.

- Laser Flow™ Sensor Halaju Bukan-sentuh.




Rajah 3.3 : Laser Flow™ Sensor Halaju Bukan-sentuh

(Sumber: <http://www.teledyneisco.com/waterandwastewater/Pages/LaserFlow.aspx>)

Laser Flow™ sensor halaju mengukur aliran dalam saluran terbuka dengan teknologi bukan-sentuh Laser Halaju Doppler dan bukan sentuh Ultrasonik dari jauh. Sensor ini menggunakan teknologi canggih untuk mengukur halaju dengan sinaran laser pada titik tunggal atau titik berbilang bawah permukaan aliran air.

Sensor ini menggunakan sensor tahap ultrasonik untuk mengukur tahap dan menentukan titik bawah-permukaan untuk mengukur halaju. Sensor ini kemudiannya memfokuskan sinaran laser pada titik tersebut dan mengukur anjakan frekuensi cahaya yang dikembalikan.

Laser Flow™ ini sesuai untuk pelbagai aplikasi pemantauan air sisa. Ianya sangat serasi dengan meter ukur aliran, Meter Aliran Signature® . (Rujukan 8)



Rajah 3.4 Sambungan Meter Aliran Signature dan pilihan penyambungan antara peranti

(Sumber: <http://www.technoaqua.cz/produkty/prutokomery/signature-1/>)

Bagi projek tenaga kuasa hidro kecil ini, Meter Aliran Signature® disambungkan kepada pemacu kilat USB untuk menyimpan segala data aliran air yang melalui Rumah Pam. Meter ini juga memudahkan pemantauan terhadap data yang dikumpul semasa pelepasan air. Pada masa yang sama, ia mengumpul data dari pelbagai aliran dan kualiti air serta menjana data ringkas yang diperlukan secara automatik. Yang paling penting, Meter Aliran Signature®

secara elektronik akan mengesahkan data laporan itu adalah sah dan tidak boleh diubah.
(Rujukan 9)

3.2.2 Rumah Pam dan Rumah Kuasa (Turbin)

Kesemua alatan tersebut telah dipasang di Rumah Pam, di atas bukit, di Sungai Perting, Bentong Pahang. Dek kerana kawasan yang terlalu tinggi dan sukar untuk mendapatkan tenaga elektrik, pihak Amcorp Perting Hydro dan UniKL telah memasang panel solar untuk tujuan menyimpan tenaga dan membekal tenaga elektrik kepada peranti-peranti yang digunakan di rumah pam tersebut.



Rajah 3.5 : Lokasi pemasangan Laser Flow Sensor Halaju Bukan-sentuh dan Meter Aliran Signature di Rumah Pam di atas bukit di Sungai Perting.

(Sumber: Persendirian)



Rajah 3.6 : Laser Flow Sensor Halaju Bukan-sentuh telah siap dipasang
(Sumber: Persendirian)

Alat-alat yang telah dipasang di Rumah Pam tersebut (Rajah 3.5) akan merekod setiap data aliran air yang melalui sekatan sebelum dan selepas air dilepaskan ke Loji Janakuasa di bawah yang akan melalui paip berdiameter 750 mm. Sensor tersebut akan mengambil sampel kadar air selama sebulan dan Meter Aliran akan menyimpan data yang telah direkodkan dan menghantar kepada pemacu kilat USB.

Ianya merupakan skema Sungai Aliran-terus yang tidak berhenti aliran sungai tersebut tetapi sebahagiannya di alirkan melalui sekatan yang telah dibuat. Melalui sekatan itu, segala pasir-pasir serta daun-daun kering yang jatuh ke dalam air dan mengalir mengikut arus air akan disekat dan hanya air sahaja yang akan melalui sekatan itu terus ke penstock dan mengalir turun ke turbin seterusnya dilepaskan semula ke sungai.



Rajah 3.7 : 2 Nos berkuasa 2.1 MW Turgo Turbin yang dipasang di Rumah Kuasa

(Sumber:Rujukan 10)

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

2 nos berkembar Turgo Turbin yang telah dipasang di Rumah Kuasa, di kawasan bawah Sungai Perting. Air yang melalui sekatan daripada Rumah Pam akan turun mengikut paip (penstock) yang telah ditanam terus ke Rumah Kuasa dan akan melanggar bilah turbin. Setelah pelanggaran berlaku, bilah turbin akan mula berpusing dan akan menghasilkan tenaga mekanikal seterusnya menukarkannya kepada tenaga elektrik mengikut kadar kelajuan dan isipadu air yang di alirkan. Ketinggian air jatuh juga mempengaruhi kadar tenaga elektrik yang dapat dihasilkan. Kecekapan keseluruhan kuasa yang dihasilkan bergantung kepada keseluruhan sistem, yang dikira dengan mengambil kira kerugian pada saluran, penstock, turbin dan penghantaran air.

Akhir sekali, data daripada tenaga elektrik yang dihasilkan melalui turbin tadi akan dikumpulkan dan akan di analisa menggunakan kaedah Simulasi Monte Carlo.

3.3 Perisian Simulasi Sistem Taburan Monte Carlo

Reka bentuk keberangkalian adalah suatu kaedah yang bertujuan untuk menghasilkan produk yang kukuh dan boleh dipercayai. Simulasi dalam analisis sistem kebolehpercayaan adalah berdasarkan kepada kaedah Monte Carlo yang menjana kali kegagalan rawak daripada kegagalan setiap komponen. Kebolehpercayaan sistem keseluruhan diperoleh dengan simulasi operasi sistem dan berdasarkan pemerhatian dalam mengira nilai kebolehpercayaan bagi satu siri nilai masa. Melalui penggunaan komputer, simulasi telah menjadi alat yang sangat popular. Simulasi sangat mudah untuk digunakan dan ia boleh menghasilkan keputusan yang tidak boleh dihasilkan melalui analisis. (Rujukan 11)




3.3.1 Perisian ReliaSoft Weibull++7

Perisian ReliaSoft Weibull++7 ini merupakan standard industri dalam menganalisis data hidup (analisis Weibull) untuk beribu-ribu syarikat di seluruh dunia. Perisian ini menjana analisis data hidup menggunakan pelbagai taburan hidup (termasuk segala bentuk taburan Weibull), dengan antara muka yang jelas dan ringkas yang menjurus ke arah kejuruteraan kebolehpercayaan. Perisian ini dibina oleh jurutera kebolehpercayaan untuk jurutera kebolehpercayaan. Pakej ini terus meningkatkan tahap perisian analisis statistik untuk aplikasi kebolehpercayaan.

Ciri-ciri perisian.

Weibull++ menyediakan set alat yang paling komprehensif yang disediakan untuk analisis keboleharapan data hidup, mengira keputusan, membuat plot dan laporan. Perisian ini menyokong semua jenis data dan semua pengagihan jangka hayat produk yang biasa digunakan (termasuk model Weibull dan model Weibull campuran seperti Eksponen, Lognormal, Normal, Gamma Umum, Logistik, Loglogistik, Gumbel, Bayesian-Weibull dan Mod Kegagalan Bersaing). Perisian ini juga penuh dengan alat-alat keboleharapan yang berkaitan dengan analisis, seperti analisis data jaminan, analisis data degradasi, analisis data bukan parametrik, berulang analisis data acara, reka bentuk ujian keboleharapan dan reka bentuk eksperimen dan analisis (DOE).



Rajah 3.8 : Antara muka perisian ReliaSoft Weibull++7 versi 7.

3.3.2 Fungsi Ketumpatan Keberangskalian

